

# Dr. Mahathir – Siti Hasmah

UM 31/10/2003 - 4 PRECISE

## Pasangan ideal yang tiada cacat cela

Oleh MAZNAH MOHD. ARSAD

**"B**AGI saya insan bernama Dr. Mahathir Mohamad, merupakan seorang suami dan pemimpin yang cukup ideal dan sentiasa menghargai perjuangan dan pengorbanan yang dilakukan oleh isterinya.

"Tanda kasih dan menghargai apa yang dilakukan oleh isteri yang disayangi itu dapat dibuktikan di mana sesekali beliau akan menghantar anak-anaknya yang masih kecil ketika itu ke rumah kakaknya di Kuala Lumpur bagi membolehkan pasangan itu memadu kasih," kata Tun Fatimah Hashim wanita pertama dilantik sebagai Menteri Kabinet.

Begitulah sifat penyayang dan menghormati isterinya yang ditunjukkan oleh Dr Mahathir terhadap Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Tun Fatimah kagum kerana pada usia sebegitu kemesraan dan kebahagiaan antara pasangan suami isteri Perdana Menteri masih terserlah, seolah-olah tiada cacat-celanya.

### Singkat

"Saya lihat Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah begitu mesra dan Dr. Siti Hasmah terus memberi sokongan kepada suaminya," kata Fatimah yang mengenali Perdana Menteri secara dekat ketika mengikuti suaminya bertugas di Alor Star ketika itu.

Menurut Fatimah, walaupun tempoh perkenalan itu agak singkat, namun dalam tempoh tersebut dapat digunakan untuk menyelami hati budi Dr. Mahathir yang sebenar.

"Kami sering membawa anak-anak untuk mendapatkan rawatan di klinik Dr. Mahathir dan ternyata beliau seorang yang murah dengan senyuman, mesra dan pandai mengambil hati," ujarnya.

Dr. Mahathir sebenarnya merupakan seorang pejuang bangsa Melayu yang tulen dan seorang yang prihatin terhadap masa depan bangsa Melayu.

Hakikat itu katanya dapat dibuktikan di

mana Dr. Mahathir mengajaknya bersama Speaker Dewan Rakyat, Tun Mohamad Zahir Ismail berbincang mengenai cara untuk memajukan orang Melayu supaya tidak ketinggalan dalam semua bidang khususnya pendidikan.

"Berdasarkan pengamatan yang dibuat, Dr. Mahathir nampak hanya dengan memberikan pendidikan kepada orang Melayu setinggi mungkin, dapat mengubah dan mengangkat martabat bangsa tersebut," ujarnya.

Seperkara lagi yang cukup menarik mengenai Dr. Mahathir, beliau begitu menghargai dan menghormati kaum wanita.

Sepanjang kepimpinannya sebagai Perdana Menteri selama 22 tahun penyertaan kaum wanita

dalam hierarki pentadbirannya meningkat dari semasa ke semasa mencakupi pelbagai sektor sekali gus membuktikan keupayaan wanita untuk memberi sumbangan kepada negara sama seperti yang disumbangkan oleh kaum lelaki, katanya.



DR. MAHATHIR menyatakan sesuatu kepada Dr. Siti Hasmah ketika melawat sudut pameran Women Hall Of Fame selepas merasmikan pembukaan Wisma Institut Pengurusan Wanita (WIM) di Petaling Jaya, Februari 2001.

**"Pulau Pandan Jauh ke tengah Gunung Daik bercabang tiga  
Hancur badan kerana tanah Budi yang baik dikenana iuaa."**

"Terima kasih sekalung budi, secalt tinta di atas jasa dan sumbangan YB Datuk Sri Dr Mahadir Mohammad selama 22 tahun dalam perkhidmatan untuk tanah air Malaysia tercinta."



DR. MAHATHIR selepas menandatangani replika buku *Tan Sri Fatimah - Potret Seorang Pemimpin* pada majlis pelancarannya 31 Januari 2003 sambil diperhatikan oleh Fatimah.